



# Polisi Privasi

## 1. PERATURAN AM

FBS menghormati privasi mana-mana pengguna yang mengakses laman-laman webnya; justeru, syarikat komited melindungi bakal pelanggan atau pelanggan sedia ada, pemohon dan pelawat. Polisi privasi ini menerangkan proses pengumpulan, penyimpanan, perlindungan dan pengagihan maklumat pelanggan yang diperolehi oleh syarikat.

## 2. MAKLUMAT PELANGGAN

Apabila seseorang memohon atau mempunyai akaun demo atau live dengan FBS, kami mengutip maklumat peribadi untuk tujuan perniagaan. Maklumat peribadi yang kami kutip hanya boleh diakses oleh FBS dan sekutunya dan ia tidak didedahkan kepada pihak ketiga yang tidak berkenaan. Maklumat-maklumat tersebut termasuklah:

- 2.1. Maklumat-maklumat yang dibekalkan oleh pelanggan sewaktu prosedur pendaftaran akaun, termasuk nama, alamat, jantina, umur, status sosial, dsb.;
- 2.2. Maklumat-maklumat yang dibekalkan oleh pelanggan sewaktu proses pengesahan akaun, termasuk dokumen identiti, pasport, lesen memandu;
- 2.3 Maklumat yang diperolehi sebagai hasil perdagangan, termasuk penyata-penyata.

## 3. PERLINDUNGAN MAKLUMAT

Syarikat cakna tentang keselamatan dan integriti perolehan dan penyimpanan maklumat peribadi pelanggan. Syarikat menggunakan perkakas teknikal yang moden untuk pengumpulan dan penyusunan maklumat peribadi yang selamat dan mematuhi garis panduan ketat dalam pengaksesan dan pemindahan maklumat peribadi di dalam syarikat. Semua kakitangan kami diwajibkan mengambil semua langkah keselamatan yang diperlukan untuk memastikan keterjaminan keselamatan data peribadi pelanggan.

## 4. COOKIES

Cookie adalah sebuah fail teks kecil yang disimpan di dalam komputer pengguna untuk tujuan penyimpanan rekod. FBS boleh set dan akses cookies FBS di komputer anda, membolehkan kami mengetahui iklan dan promosi yang manakah yang membawa pelanggan ke laman web kami. FBS atau mana-mana bahagiannya boleh menggunakan cookies berkenaan produk dan servis FBS dan menjejak aktiviti anda di laman web kami. Maklumat sebegini yang kami kumpul dan kongsi adalah awanama dan tidak mempunyai maklumat pengenalan yang boleh dikenal pasti.

## 5. PENAFIAN PERUNDANGAN

FBS berhak untuk mendedahkan maklumat pengenalan peribadi berdasarkan keperluan syarat dan peraturan dan bila syarikat percaya bahawa pendedahan adalah perlu untuk melindungi hak dan/atau untuk mematuhi prosiding kehakiman, perintah mahkamah, atau proses perundangan. FBS tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk salah guna atau kehilangan maklumat peribadi yang berakibat dari cookies di laman-laman syarikat yang FBS tidak mempunyai akses dan kawalan ke atasnya. FBS tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap penggunaan maklumat peribadi anda secara menyalahi undang-undang atau tanpa kebenaran yang berakibat dari salah guna atau kealpaan penyimpanan kata laluan anda, kecuiaan atau niat jahat.

## 6. PENGGUNAAN MAKLUMAT

Dengan membuka akaun di syarikat anda mengesahkan kepatuhan anda dengan penggunaan maklumat peribadi sejajar dengan "Polisi Privasi" ini.

## 7. PERTANYAAN

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan berkenaan “Polisi Privasi” ini sila emel kepada kami di [support@fbs.com](mailto:support@fbs.com).